

26/08/1998

Perodua Kembara bukti ekonomi cergas

BERDASARKAN kebanyakan laporan, analisis media asing serta penarafan pelbagai agensi antarabangsa, terutamanya sejak serangan spekulatif ke atas mata wang dan pasaran saham serantau, ekonomi Malaysia ditonjolkan seolah-olah tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan.

Mereka bagaikan sudah membuat kesimpulan bahawa sebahagian besar syarikat Malaysia sudah muflis manakala negara ini perlu melutut di bawah telunjuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Bagi mereka tiada berita baik yang boleh dikaitkan dengan Malaysia. Sebagai contoh, paras pinjaman tidak berbayar (NPL), ukuran yang mencerminkan `kesihatan' bank-bank tempatan, disangsi kesahihannya oleh penganalisis. Meskipun penganalisis ini tidak mungkin mempunyai maklumat yang sempurna berbanding apa yang dimiliki kerajaan, mereka tetap berdegil dan menyatakan NPL Malaysia mesti jauh lebih besar daripada jangkaan kerajaan.

Mereka juga meramalkan nilai ringgit Malaysia akan terus susut meskipun agak jelas kedudukan akaun semasa negara yang sebelum ini berada pada kedudukan defisit, sekarang diunjur positif kerana lebih dagangan yang kini melebar.

Sejak bermula kegawatan, amat sedikit laporan dan penarafan positif diberikan kepada Malaysia. Sebaliknya dari semasa ke semasa media dan agensi penarafan asing lebih cenderung memberi gambaran negatif mengenai ekonomi negara ini, seolah-olah setiap usaha dilaksanakan kerajaan untuk menangani krisis berkenaan tidak akan mendapat hasil yang diharapkan.

Penganalisis ekonomi asing menyalahkan kerajaan mengenai kegawatan sekarang, terutama selepas negara ini mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan dalam tempoh satu dekad lalu. Pada masa yang sama, IMF yang mendakwa bertindak sebagai penyelamat mencadangkan pelbagai langkah yang kononnya berupaya memulihkan ekonomi negara terbabit, seperti menaikkan kadar faedah dan mengetatkan pinjaman.

Dengan pelbagai gambaran dan unjuran negatif itu, Malaysia ditonjolkan seolah-olah berada dalam suasana ekonomi yang amat tenat, sekali gus tidak berupaya menjana sebarang kegiatan ekonomi ke arah melangsungkan kehidupan rakyat jelata. Bagaimanapun, telahan dan prasangka buruk media dan penganalisis asing itu ternyata tidak benar apabila Malaysia mampu menghasilkan sebuah lagi kereta nasional, ketika kebanyakan negara serantau yang turut terjejas dengan kegawatan masih lagi bertungkus-lumus memulihkan ekonomi masing-masing.

Ini terbukti apabila Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) berjaya melancarkan kereta ketiga keluarannya, dikenali Perodua Kembara 1300cc, yang juga kenderaan pacuan empat roda (4X4) pertama keluaran Malaysia. Kereta yang dikeluarkan dalam tiga variasi iaitu EX, GX dan EZ serta dijual pada harga antara RM45,898 dan RM52,276.19 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin. Kembara adalah kenderaan ketiga keluaran Perodua selepas Kancil dan Rusa.

Seperti kata Perdana Menteri pada majlis pelancaran itu, pengenalan Perodua Kembara jelas membuktikan kegawatan ekonomi yang berlaku di Malaysia sekarang tidak seburuk seperti yang didakwa pihak asing yang berpendapat kononnya tidak ada lagi kegiatan ekonomi di negara ini. Pada ketika orang asing mendakwa kegawatan ekonomi Malaysia sangat buruk hinggan rakyat sudah muflis, Malaysia berupaya melancarkan lagi model baru kereta nasional.

Berdasarkan 475 tempahan yang diterima Perodua setakat ini, ia bermakna

rakyat Malaysia masih mempunyai wang untuk membeli kereta sekali gus memberi harapan cerah bahawa Perodua Kembara dapat dipasarkan dengan baik kerana harganya yang amat berdaya saing.

Kehadiran Perodua Kembara tidak semata-mata mencerminkan keupayaan syarikat kereta nasional kedua itu untuk menghasilkan sebuah lagi model baru. Apa yang lebih penting ialah membuktikan kegiatan ekonomi di Malaysia masih cergas. Ini penting kerana industri automotif membabitkan rantaian yang besar membabitkan ribuan tenaga kerja, iaitu daripada pekerja pengeluaran, vendor, kakitangan pengedaran/pemasaran hinggalah kepada khidmat selepas jualan.

Dengan terhasil sebuah kereta baru, bermakna ia membantu menggerakkan kegiatan ekonomi yang amat diperlukan dalam usaha mencetus rangsangan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menguncup 1.8 peratus pada suku pertama tahun ini, iaitu penguncupan pertama selepas Malaysia selesa menikmati pertumbuhan melebihi lapan peratus setahun sejak hampir sedekad lalu.

(END)